

Harga bawang India paling tinggi dicatat di Pulau Pinang, RM24 sekilo

Dewi Nur Harasha Alias, Astro Awani | Diterbitkan pada Januari 09, 2020 18:32 MYT



Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (tiga, kiri) menunjukkan bawang merah dijual dengan harga murah di Pasar Raya TF Value-Mart cawangan Balik Pulau selepas merasmikan pasaraya syarikat TF Value-Mart Sdn Bhd hari ini. - Foto BERNAMA

BALIK PULAU: Harga bawang India paling tinggi direkodkan di Pulau Pinang dengan RM24 sekilogram berbanding di negeri lain di seluruh negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, berdasarkan pemantauan, julat harga bawang di negeri itu adalah dari RM4.90 paling rendah dan RM24 paling tinggi.

"Jadi di Pulau Pinang, ini laporan terakhir yang saya terima sebelum saya datang sini daripada pegawai saya iaitu Majlis Harga Barang Negara, julat harga bawang di Pulau Pinang yang paling murah adalah RM4.90 dan yang paling tinggi ialah RM24.

"Itu yang paling tinggi dan julat harga ini adalah yang tertinggi di Malaysia," katanya dalam sidang media selepas merasmikan TF Valuemarket di Balik Pulau, pada Khamis.

Sehubungan itu Saifuddin berkata, pihaknya telah mengeluarkan notis kepada premis yang menjual bawang pada harga tersebut di bawah undang-undang kawalan harga dan pencatutan.